

# Cina Malaysia bidas LKY

## Menteri Mentor patut bantu Melayu Singapura lebih dihargai

Oleh **Azman Zakaria, Anwar Hussin, Shaarani Ismail dan Siti Fatimah Mohd Anwar**

**K**UALA LUMPUR: Pemimpin negara ini termasuk yang mewakili masyarakat Cina membidas Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew (LKY) kerana mendakwa kononnya kaum Cina di Malaysia dipinggirkan secara sistematik.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, sambil menafikan dakwaan itu, menegaskan: "Beliau (Kuan Yew) silap meneliti perkara di luar konteks. Singapura berbeza daripada Malaysia."

Timbalannya yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, pula berkata masyarakat Cina di negara ini sentiasa diberi peluang menyertai pentadbiran negara dan bebas mengemukakan pandangan.

"Masyarakat Cina termasuk pemimpin pembangkang sering mengemukakan pandangan melalui Kabinet, Parlimen dan saluran lain," katanya selepas majlis pelancaran Universiti Terbuka Wawasan yang disempurnakan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, di Menara PGRM di sini, semalam.

Pada 15 September lalu, Kuan Yew membuat kenyataan di Singapura yang menyentuh layanan Malaysia dan Indonesia terhadap kaum Cina di kedua-dua negara.

Beliau mendakwa Malaysia dan In-

donesia mempunyai masalah dengan kaum etnik Cina di negara masing-masing kerana etnik itu berjaya serta bekerja kuat, justeru mereka dipinggirkan secara sistematik.

Ketua Pemuda MCA, Datuk Liow Tiong Lai, berkata penduduk pelbagai kaum di Malaysia hidup aman dan harmoni, malah kejayaan kerajaan merangka model pembangunan negara turut diperakui dan dikagumi dunia.

"Melalui kepemimpinan Barisan



Nasional (BN) setiap rakyat mempunyai keistimewaan dan hak masing-masing. Ia sangat jelas dan tidak perlu dipertikaikan lagi. Kuan Yew tidak perlu menjaga tepi kain orang," katanya.

Di CHUKAI, Terengganu, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Lee tidak menghiraukan jirannya kerana menganggap dirinya begitu kuat, sedangkan bekas Perdana Menteri Singapura itu sendiri dipinggirkan orang Cina di seluruh dunia.

*"Ini bukan masa sesuai untuk Kuan Yew membuat komen seperti itu. Kalau orang Cina di Malaysia ada masalah, itu tugas kerajaan menyelesaikannya, bukan orang luar"*

**Profesor Emeritus  
Datuk Dr Khoo Kay Kim**  
*Penganalisis politik*

"Kita juga boleh tanya Kuan Yew mengenai kedudukan orang Melayu di Singapura? Kenapa orang Melayu di Malaysia cekap memikul senjata sedangkan di Singapura mereka tidak dapat memegang jawatan tinggi dan kenapa orang Melayu di Singapura dipinggirkan secara rasmi" katanya.

Bekas Perdana Menteri yang ditemui pemberita selepas melancarkan Tabung Bangunan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) dan Kempen Hari Pahlawan Peringkat Daerah Kemaman, berkata masyarakat Cina di negara ini berpeluang menyertai tentera sehingga memegang jawatan tinggi.

"Di Singapura orang Melayu mempunyai pendapatan perkapita yang jauh ketinggalan berbanding orang Cina, justeru perlu ada satu penyiasatan bebas bagi melihat kenapa orang Melayu di Singapura tertinggal," katanya.

Setiausaha Agung Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Datuk David Chua, berkata setiap rakyat di negara ini diberi cukup ruang dan masing-masing kaum memahami keadaan yang dilalui negara bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Dalam proses pembangunan negara, memang perlu ada tolak ansur... ini falsafah pembangunan di negara ini," katanya sambil mengingatkan orang luar supaya berhati-hati mem-

beri komen berhubung soal dalaman Malaysia.

Penganalisis politik, Profesor Emeritus, Datuk Dr Khoo Kay Kim turut mempersoalkan dakwaan Menteri Mentor Singapura itu.

"Ini bukan masa sesuai untuk Kuan Yew membuat komen seperti itu. Kalau orang Cina di Malaysia ada masalah, itu tugas kerajaan dan parti politik di negara ini yang mewakili pelbagai kaum menyelesaikannya, bukan untuk orang luar.

"Di Singapura kalau nak dicari masalah pun ada tapi pemimpin Malaysia tak komen apa-apa," katanya.

Timbalan Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw menyifatkan kenyataan Kuan Yew itu sebagai sensitif dari segi hubungan antara kedua-dua negara berjiran.

"Apabila buat kenyataan mesti berhati-hati, jangan menyinggung orang. Kita nak hubungan baik antara jiran, jangan ada masalah," katanya.

Ketua Penyelia Lapan Pertubuhan Utama Belia Cina, Ong Chee King, berkata pemimpin kerajaan yang mewakili pelbagai kaum di negara ini boleh berbincang untuk sama-sama memajukan Malaysia.

"Jika orang Melayu maju, mereka boleh menarik pelabur dari Asia Barat ke negara ini... kaum Cina pula menarik pelabur dari China dan jika masyarakat India maju, juga boleh menarik pelabur dari India," katanya.